



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu Epid 34/2009 (23 hingga 29 Ogos 2009)

Bagi tempoh 23 hingga 29 Ogos 2009, sejumlah 477 kes demam denggi dan tiada kematian telah dilaporkan ke Kementerian Kesihatan. Bilangan ini merupakan jumlah terendah kes denggi yang direkodkan dinegara ini semenjak Oktober 2006. Pada minggu ini, kes denggi menurun sebanyak 36 (7%) kes jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya iaitu 513 kes. Terdapat empat negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding dengan minggu lepas iaitu N. Sembilan 7 (70%) kes, Sarawak 2 (5%) kes, Johor 1 (3%) kes dan Selangor 5 (3%) kes. Jumlah terkumpul kes denggi pada tahun 2009 ialah 29,700 kes berbanding 29,942 kes bagi tempoh minggu yang sama tahun 2008 dengan perbezaan sebanyak 242 (1%) manakala jumlah terkumpul kematian denggi tahun 2009 ialah 68 kes berbanding 71 kes dalam tempoh yang sama pada tahun 2008 (Lampiran A).

Sehingga 29 Ogos 2009, terdapat 24 lokaliti 'hot spot' dilaporkan berbanding 23 lokaliti pada minggu sebelumnya. Sebanyak 8 lokaliti telah bebas 'hot spot' tetapi terdapat tambahan 9 lokaliti 'hot spot' baru pada minggu ini (lampiran C, D dan E). Oleh kerana jumlah premis positif pembiakan *Aedes* yang dijumpai bertambah maka terdapat 14 lokaliti hot spot yang mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi dimana risiko untuk jangkitan penyakit Denggi adalah tinggi (Lampiran F).

Pada minggu ini, sebanyak 81,825 premis yang dijalankan pemeriksaan *Aedes* dimana terdapat 1,193 premis yang mempunyai positif pembiakan. Kadar pembiakan *Aedes* mencatat nilai 1.46%, iaitu menurun sebanyak 9% pada minggu ini berbanding minggu sebelumnya (1.61%). Sebanyak 8 negeri mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi iaitu WPKL & Putrajaya (9.08%), P.Pinang (4.12%), Perlis (3.84%), Kedah (2.63%), Selangor (2.45%), N. Sembilan (1.48%), Pahang (1.08%) dan Johor (1.05%) merupakan negeri yang mempunyai banyak kawasan sensitif dan jangkitan penyakit denggi boleh terus berlaku.

Bagi seluruh negara, hanya 8 (15%) aktiviti gotong-royong dapat dijalankan walaupun sebanyak 54 gotong-royong disasarkan sepanjang minggu ini. Masih terdapat 14 lokaliti hot spot di Negeri Selangor yang belum menjalankan gotong-royong semenjak lokaliti tersebut berlaku wabak.

Sejumlah 295 kompaun bernilai RM54,370 dan 257 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan pada minggu epid 34 melalui tindakan penguatkuasaan di seluruh negara.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 33 kes telah dilaporkan iaitu melebihi 15 (83%) kes berbanding minggu sebelumnya (18 kes). Negeri Sarawak menunjukkan peningkatan kes yang tinggi iaitu 24 kes berbanding minggu sebelumnya hanya 1 kes. Peningkatan kes di Sarawak adalah disebabkan oleh telah berlaku wabak di Daerah Kucing melibatkan 23 kes dan Daerah Betong 2 kes sahaja. Bagaimanapun tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di lampiran B.

Walaupun terdapat penurunan kes demam denggi dan Chikungunya orang ramai dinasihatkan agar tidak memandang remeh terhadap kedua-dua penyakit ini kerana ianya mudah merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes*. Bagi pesakit yang mempunyai tanda-tanda demam denggi diminta mendapatkan

rawatan awal untuk mengelakkan komplikasi yang boleh membahayakan nyawa pesakit. Bagi mereka yang telah dijangkiti demam denggi dan Chikungunya juga dinasihatkan untuk menggunakan krim atau penyembur penghalau nyamuk (repellent) dalam bentuk lingkaran, cecair atau kepingan meruap bagi mengelakkan gigitan nyamuk dan mengurangkan pergerakan keluar rumah agar penularan jangkitan ke kawasan baru dapat dielakkan.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

1 September 2009

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 34/2009
(23 - 29 Ogos)**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga Minggu 34/ 2009	Jumlah Kes Sehingga Minggu 34/ 2008
		Minggu 34/09 (23 - 29 Ogos)	Minggu 33/09 (16 - 22 Ogos)		
1.	Perlis	0	3	160	103
2.	Kedah	3	15	596	902
3.	P. Pinang	21	26	1,869	1,213 (1)
4.	Perak	28	43	2,387 (1)	2,466 (1)
5.	Selangor	209	204	14,674 (44)	12,671 (31)
6.	WPKL & Putrajaya	44	44 (1)	2,801 (8)	3,495 (8)
7.	N. Sembilan	17	10	651 (5)	901 (1)
8.	Melaka	18	22	572 (2)	567 (1)
9.	Johor	40	39	1,826 (2)	2,399 (13)
10.	Pahang	10	12	638 (2)	787
11.	Terengganu	13	13	719	1,176 (3)
12.	Kelantan	8	17	852 (1)	1,621 (9)
13.	Sarawak	41	39	1,229	850
14.	Sabah	25	26	704 (3)	736 (2)
15.	WP Labuan	0	0	22	55 (1)
	Jumlah	477 (0)	513 (1)	29,700 (68)	29,942(71)

Nota:

() Kematian

Disedia oleh: PPKP Hj Abu Bakar Kassim

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 34 DAN 33 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 34 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 34 (23 – 29 Ogos 2009)	Minggu 33 (16 – 22 Ogos 2009)		
1	Perlis	0	0	33	3
2	Kedah	0	0	784	181
3	P. Pinang	2	3	308	6
4	Perak	0	0	401	590
5	Selangor	1	3	414	353
6	WPKL &Putrajaya	0	1	93	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	1	2	151	1,846
10	Pahang	0	0	70	341
11	Terengganu	1	0	58	4
12	Kelantan	3	8	417	135
13	Sarawak	25	1	350	3
14	Sabah	0	0	5	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	33	18	3,115	4,271

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 29 OGOS 2009 (Mg 34)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Apt Pelangi PJU 6	14	85
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Bakti (Zon A)	17	70
3	SELANGOR	Gombak	Taman Pinggiran Bt Caves (Zon 3) Episod 2	22	67
4	SELANGOR	Gombak	Taman Industri Bolton	9	65
5	SELANGOR	Gombak	Taman Selasih Fasa 2	14	62
6	SELANGOR	Gombak	Kg Selayang Pandang	7	54
7	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon A) Episod 2	4	53
8	SELANGOR	MBPJ	Gugusan Semarak Sek 4 PJU 5	6	42
9	SELANGOR	Hulu Langat	Taman SUNTEX	4	37
10	SELANGOR	MPSJ	Taman Tasik Prima 3	6	35
11	SELANGOR	MPAJ	Taman Bukit Teratai (Zon C) Episod 2	5	35
12	SELANGOR	Hulu Langat	Kg Baru Cina Semenyih	7	34
13	SELANGOR	MPAJ	Tmn Cempaka (Zon B) Episod 2	11	32
14	SELANGOR	Gombak	Taman Sunway Bt Caves (Episod 4)	4	32
15	WPKL	Setapak	Setapak Jaya (Kediaman Siswa Jaya)	13	52
16	WPKL	Setapak	Desa Tun Hussin Onn	9	51
17	WPKL	Klang Lama	Kondo Rakyat	6	43
18	WPKL	Kepong	Tmn Sri Kuching	5	32
19	WPKL	Setapak	Tmn Danau Kota Jln 2/23B- 15/23B	7	31
20	JOHOR	MPPG	Flat Tmn Cendana Mukim Pelentong	19	59
21	JOHOR	MPPG	Tmn Scientex-Helang	9	54
22	JOHOR	MPPG	Tmn Cahaya masai Delima	7	33
23	PERAK	MB.Ipoh	Tmn Cempaka	8	37
24	SARAWAK	Bau	Kg Pisa Krokong	6	32

Lampiran D

SENARAI "HOT SPOT" BARU BAGI MINGGU 34 (23-29 OGOS 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tamat Pada
1	SELANGOR	Hulu Langat	Taman SUNTEX	4	14/09/09
2	SELANGOR	MPSJ	Taman Tasik Prima 3	6	14/09/09
3	SELANGOR	MPAJ	Taman Bukit Teratai (Zon C) Episod 2	5	10/09/09
4	SELANGOR	Hulu Langat	Kg. Baru Cina Semenyih	7	20/09/09
5	SELANGOR	Gombak	Taman Sunway Bt Caves (Episod 4)	4	13/09/09
6	WPKL	Kepong	Taman Sri Kuching	5	15.09.09
7	WPKL	Setapak	Taman Danau Kota Jln 2/23B- 15/23B	7	15.09.09
8	JOHOR	MPPG	Taman Cahaya Masai Delima	7	17.09.09
9	SARAWAK	Bau	Kg. Pisa Krokong	6	11.09.09

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS "HOT SPOT" BAGI MINGGU 34 (23-29 OGOS 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Bt 8-10 Jalan Gombak (Episod 3)	16	100
2	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puteri 7	12	79
3	SELANGOR	Gombak	Taman Melewar Indah	7	72
4	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H) Eps 3	11	67
5	SELANGOR	Gombak	Kg. Changkat	8	59
6	SELANGOR	MBSA	Kolej Meranti UITM Seks 2	11	51
7	WPKL	Klang Lama	Bukit Jalil (Damai Jalil Apt.)	11	70
8	WPKL	Cheras	Bandar Tun Razak (Flat Sri Labuan)	8	35

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 34**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jumlah bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	Selangor	Gombak	Taman Pinggiran Batu Caves (Zon 3) Episod 2	3,0%	3
2	Selangor	Gombak	Taman Industri Bolton	3,2%	3
3	Selangor	Gombak	Taman Selasih (Fasa 2)	2,0%	2
4	Selangor	Gombak	Kg. Selayang Pandang	5,1%	5
5	Selangor	Hulu Langat	Taman SUNTEX	3,7%	4
6	Selangor	Hulu Langat	Kg. Baru Cina Semenyih	8,3%	8
7	Selangor	MPAJ	Taman Bukit Teratai (Zon C) Episod 2	2,8%	3
8	Selangor	MPAJ	Taman Bakti (Zon A) Episod 1	4,9%	5
9	Selangor	MPSJ	Taman Tasik Prima 3	3,1%	3
10	WPKL	Setapak	Desa Tun Hussien Onn	5,0%	5
11	WPKL	Setapak	Tmn. Danau Kota B (Jln 2/23B - Jln 15/23B)	34,8%	35
12	Johor	MPPG	Flat Taman Cendana, Plentong	4,8%	5
13	Johor	MPPG	Taman Cahaya-Masai Delima	4,6%	5
14	Sarawak	Bau	Kg. Pisa, Krokong	10,0%	7